

Pusat Kecemerlangan Universiti Malaya

Pusat Penyelidikan Bioteknologi Pertanian (CEBAR)

Penubuhan CEBAR pada tahun 2005 adalah selaras dengan Dasar Bioteknologi Negara (2005 - 2020) yang telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk menjadikan bioteknologi sebagai enjin ekonomi baharu untuk Malaysia. Sebagai sebuah Universiti Penyelidikan, Universiti Malaya adalah antara peneraju utama bidang penyelidikan bioteknologi pertanian di negara ini. Justeru, CEBAR komited untuk memastikan setiap penyelidikan yang dijalankan selari dengan perkembangan terkini dalam bidang penyelidikan bioteknologi moden dan berimpak tinggi.

Antara bidang utama penyelidikan CEBAR adalah sekuriti makanan. CEBAR banyak menjalankan kolaborasi dalam bidang penyelidikan bagi menghasilkan teknologi moden yang penting untuk meningkatkan produktiviti hasil sektor pertanian dan perikanan demi menjamin sekuriti makanan negara. Kerjasama ini penting untuk menangani isu keselamatan makanan global yang kini amat kritikal disebabkan oleh cabaran seperti pandemik, perubahan iklim dan konflik antarabangsa, sekaligus membolehkan CEBAR mendukung visi UM ke arah menjadi universiti yang memberi impak di peringkat global.

Tanggungjawab dan komitmen CEBAR dalam memberikan sumbangan dan impak ke arah pembangunan rakyat secara lestari bukan sahaja tertumpu kepada warga kampus, malah melibatkan komuniti dan sektor awam. Bersesuaian dengan kepakaran sedia ada warga CEBAR, the Global Institute for Tomorrow (GIFT) telah memilih CEBAR untuk menjadi sebahagian daripada program kepimpinan yang tertumpu kepada kepada bidang sekuriti makanan. GIFT adalah badan pemikir bebas pan-Asia yang secara meluas menganjurkan program kepimpinan bagi pelbagai syarikat besar Malaysia. Seramai lebih dari 10 peserta yang terdiri daripada pengurus dan pemimpin muda dari Maxis telah menyertai program ini yang dikoordinasi bersama oleh beberapa penyelidik CEBAR.



Gambar: Seramai lebih daripada 10 peserta yang terdiri daripada pengurus dan pemimpin muda dari Maxis telah menyertai program kepimpinan bidang sekuriti makanan yang dikoordinasi bersama beberapa penyelidik CEBAR pada 7 November 2022.

Jadual x: Perbandingan pencapaian HICOE dan UMCOE Bagi Tahun 2021 dan tahun 2022

HICOE/UMCOE	PENERBITAN HASIL PENYELIDIKAN (ISI-WoS Index)		GERAN PENYELIDIKAN (RM)	
	2022	2021	2022	2021
Centre for Research in Biotechnology for Agriculture (CEBAR)	46	50	1,174,355.67	966,746.00

Jadual x: Pengiktirafan / Anugerah Yang Diterima Oleh HICoE/UMCoE Bagi Tahun 2022

BIL.	PENERIMA	PENGIKTIRAFAN / ANUGERAH		PERINGKAT
1	Prof. Dr. Jennifer Ann Harikrishna	MSMBB Distinguished Scientist Awards	CEBAR	Kebangsaan
2	Prof. Dr. Subha Bhassu	Ahli Majlis Professor Negara	CEBAR	Kebangsaan
3	Prof. Dr. Subha Bhassu	Ahli British Publishing House (BPH)	CEBAR	Antarabangsa
4	Prof. Dr. Subha Bhassu	Bronze Award Winner at the PECIPTA 2022	CEBAR	Kebangsaan
5	Associate Prof. Ir. Dr. Poo Balan A/L Ganesan	World's 2% Top Researchers	CEBAR	Antarabangsa
6	Associate Prof. Ir. Dr. Poo Balan A/L Ganesan	Ahli British Publishing House	CEBAR	Antarabangsa
7	Associate Prof. Dr. Geok Yuan Annie Tan	UKM Knovasi 2022 tema: pendekatan memperkasakan masyarakat (Emas)	CEBAR	Kebangsaan
8	Associate Prof. Dr. Geok Yuan Annie Tan	Invention, Innovation & Design on e-Learning: Bronze Medal	CEBAR	Kebangsaan
9	Associate Prof. Dr. Yusmin binti Mohd Yusuff	Best Poster Presentation Award	CEBAR	Kebangsaan

10	Dr. Rosazlin Abdullah	Hadiah Merit, Kategori B (Kertas Separa/Bukan Teknikal)	CEBAR	Kebangsaan
11	Dr. Rosazlin Abdullah	HLAF Award at Tech Plan Demo Day in Malaysia 2022	CEBAR	Kebangsaan
12	Dr. Norhidayah Mohd Taufek	Swiss Innovation Challenge 2021/2022 (first and second pitching)	CEBAR	Kebangsaan
13	Dr. Purabi Mazumdar	Advisory Board of ORESKO PLANTATION SDN BHD	CEBAR	Kebangsaan
14	Dr. Fiqri Dizar Khaidizar	Top Downloaded Paper of IJMS	CEBAR	Antarabangsa
15	Dr. Chua Kah Ooi	5th Prize for the Young Researcher Award International Microbiome Diagnostic Forum	CEBAR	Kebangsaan